



Ruj. Kami : SUK.Ps. 05/411 SK.2 (24)
Tarikh : 19 November 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YAB / YB / SS Dato' / YA Datuk / YAA / YBhg. Dato' / Datin / YBrs. Dr. / Tuan / Puan,

PENCALONAN BAGI KURNIAAN DARJAH KEBESARAN DAN PINGAT NEGERI PERLIS TAHUN 2026 SEMPENA ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN DULI YANG MAHA MULIA TUANKU RAJA PERLIS

1. PENGUMUMAN PENCALONAN

- 1.1 Sempena Ulangtahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis pada **17 Mei 2026**, Baginda berkenan untuk mengurniakan Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Perlis kepada mereka yang berjasa kepada Negeri Perlis.
- 1.2 Pencalonan **HENDAKLAH** dikemukakan melalui Kementerian / Jabatan / Agensi / Badan Berkanun masing-masing. Kementerian hendaklah memanjangkan pengumuman pencalonan ini kepada semua Jabatan / Agensi / Badan Berkanun di bawah seliaannya.
- 1.3 Pertubuhan-pertubuhan politik, profesional, kebajikan, sukan, sosial, agama dan syarikat swasta turut dipelawa mengemukakan pencalonan.
- 1.4 Pencalonan adalah terbuka kepada semua kumpulan kakitangan dan tidak hanya terhad kepada sesuatu kumpulan atau jawatan sahaja.

2. ASAS PENCALONAN

- 2.1 Seseorang calon yang **DICADANGKAN** untuk sesuatu Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Perlis hendaklah terdiri daripada mereka yang telah berjasa atau telah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada negeri Perlis berasaskan taraf jawatannya serta tempoh perkhidmatan.
- 2.2 Pemilihan seseorang calon yang bergerak cergas dalam persatuan-persatuan kebajikan, sukarela, sukan, sosial, agama dan lain-lain hendaklah berasaskan kepada tahap sumbangannya kepada negeri

...2/..

Perlis dan masyarakat. Mereka yang memegang sesuatu jawatan di peringkat antarabangsa / kebangsaan / negeri hendaklah diberi keutamaan.

- 2.3 Seseorang yang telah **MENERIMA** kurniaan Negeri Perlis **tidak seharusnya dicalonkan** semula sebelum tempoh **tiga (3) tahun** daripada tahun kurniaan tersebut **diterima / ditolak**.
- 2.4 Seseorang yang **MENOLAK** tawaran kurniaan sebelum ini hendaklah **tidak dicalonkan** semula sebelum tempoh **tiga (3) tahun daripada tahun kurniaan tersebut ditawarkan / ditolak**.
- 2.5 Seseorang yang dicalonkan untuk sesuatu Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Perlis hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang bersih. Tapisan keutuhan, keselamatan, jenayah dan insolvensi **TIDAK PERLU DIBUAT** di peringkat Kementerian / Jabatan / Agensi / Badan Berkanun kerana tapisan-tapisan tersebut akan dilaksanakan oleh pihak urusetia di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.
- 2.6 **KEUTAMAAN** hendaklah diberi kepada **calon-calon yang BERUMUR 40 TAHUN KE ATAS** melainkan jika calon-calon itu terdiri daripada ahli-ahli sukan atau calon berkenaan mencapai suatu tahap pencapaian yang tinggi.

3. TATACARA MENGEMUKAKAN PENCALONAN

- 3.1 Darjah Kebesaran atau Pingat yang dicadangkan hendaklah bersesuaian dengan jawatan dan gred calon sebagaimana diterangkan dalam garis panduan di **Lampiran 1**.
- 3.2 Setiap pencalonan Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Perlis hendaklah dibuat **secara dalam talian (online)** menggunakan **Sistem Penganugerahan Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Perlis (SISDAR)** yang boleh diakses dengan melayari <https://sisdar.perlis.gov.my>. Manual / panduan mengenai langkah-langkah penggunaan SISDAR juga boleh diperolehi melalui alamat URL berkenaan.
- 3.3 Pencalonan secara dalam talian (*online*) melalui SISDAR ini akan dibuka bermula **20 November 2025 sehingga 31 Disember 2025**.
- 3.4 Setelah mengisi borang permohonan di dalam SISDAR secara dalam talian, **borang yang telah diisi** tersebut **HENDAKLAH DICETAK, DITURUNKAN TANDATANGAN DAN COP RASMI JAWATAN /**

JABATAN oleh pihak-pihak yang berkaitan, dan seterusnya **borang yang telah lengkap berserta salinan kad pengenalan calon hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis melalui surat rasmi ke alamat berikut tidak lewat daripada 12 Januari 2026 :**

Setiausaha Dewan Undangan Negeri &
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Aras 4, Kompleks Seri Putra
Persiaran Wawasan
01000 Kangar.

- 3.5 Segala maklumat calon hendaklah diisi dengan tepat khususnya ejaan nama, nombor kad pengenalan, alamat terkini, jawatan, gred jawatan dan juga darjah kebesaran serta pingat yang pernah diterima oleh calon berkenaan.
- 3.6 Maklumat bagi darjah kebesaran / pingat yang pernah diterima oleh calon hendaklah dipastikan diisi (jika ada) dan pencalonan darjah / pingat semasa hendaklah tidak bertindih atau lebih rendah daripada darjah kebesaran / pingat yang pernah diterima oleh calon sebelumnya.
- 3.7 **Pencalonan bagi Perkhidmatan Bukan Gunasama** hendaklah dibuat oleh **Ketua Jabatan di peringkat negeri dan disokong oleh Ketua Perkhidmatan** sebelum ianya dikemukakan kepada **Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan**.
- 3.8 Di peringkat **Kementerian atau Jabatan Persekutuan** ianya perlu dibuat oleh Pegawai **tidak rendah** daripada Setiausaha Bahagian atau Pengarah Bahagian atau yang setaraf dengannya dan disokong oleh Pegawai yang lebih tinggi, manakala di **peringkat Jabatan, Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan Negeri**, perlu dibuat oleh Ketua Jabatan dan disokong oleh **Setiausaha Kerajaan Negeri**.
- 3.9 Pencalonan bagi darjah-darjah yang membawa gelaran iaitu **Darjah Seri Setia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (SSSJ)**, **Darjah Setia Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (SPSJ)**, **Darjah Seri Paduka Mahkota Perlis (SPMP)**, **Darjah Dato' Setia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (DSSJ)**, **Darjah Dato' Wira Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (DWSJ)**, **Darjah Dato' Paduka Mahkota Perlis (DPMP)**, **Darjah Dato' Setia Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (DSPJ)** dan **Darjah Dato' Panglima Sirajuddin Jamalullail (DPSJ)** hendaklah mendapat **sokongan YB Menteri**.

...4/...

- 3.10 Bagi pencalonan **Darjah Setia Mahkota Perlis (SMP)** dan darjah / pingat lain yang lebih rendah, sokongan / ulasan Ketua Setiausaha Kementerian atau Setiausaha Kerajaan Negeri adalah memadai.
 - 3.11 **Sekeping gambar calon berukuran pasport yang terkini hendaklah dilekatkan di borang pencalonan.**
 - 3.12 **Sekeping gambar calon berukuran pasport yang terkini hendaklah dilekatkan di borang pencalonan.**
 - 3.13 **Salinan kad pengenalan calon hendaklah dilampirkan bersama-sama borang pencalonan.**
 - 3.14 Kementerian hendaklah menyelaraskan pencalonan bagi semua Jabatan, Badan Berkanun atau Agensi di bawah Kementerian berkenaan.
 - 3.15 Pencalonan daripada pegawai Kerajaan yang bergiat di dalam pergerakan sukarela, sukan dan kebudayaan **hendaklah terlebih dahulu** mendapat **persetujuan daripada Ketua Jabatan** di mana calon-calon itu berkhidmat.
 - 3.16 Borang pencalonan yang **tidak lengkap atau diterima selepas tarikh tersebut (12 Januari 2026)** **tidak akan dipertimbangkan** untuk proses selanjutnya.
4. Untuk sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Ts. Mohd Anwar Bin Sahul Hameed, Penolong Setiausaha Dewan Undangan Negeri & Majlis Mesyuarat Negeri di talian 04-9708621 / 04-9708622.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERLISKU BESTARI BERKAT LESTARI”

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHAMMAD AFI BIN OTHMAN @ OMAR)

Setiausaha Dewan Undangan Negeri
dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perlis.

s.k. – YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

– Fail Timbul

SENARAI EDARAN

YAB Menteri Besar Perlis

YB Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis

YB Pegawai Kewangan Negeri Perlis

YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis

YB Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perlis

YB Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat bagi Negeri Perlis

YBhg. Ketua-ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-ketua Jabatan, Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan Negeri Perlis

Ketua-ketua Jabatan, Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan Persekutuan di Negeri Perlis

Ketua-Ketua Bahagian / Unit, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

Ketua-ketua Agensi Swasta / Pertubuhan / Badan Bukan Kerajaan di Negeri Perlis

PANDUAN UMUM BAGI MENIMBANGKAN KELAYAKAN CALON-CALON UNTUK KURNIAAN DARJAH KEBESARAN DAN PINGAT NEGERI PERLIS

KELAYAKAN CALON

Kelayakan seseorang untuk menerima sesuatu Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Perlis adalah dijelaskan secara ringkas seperti di bawah ini. Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Perlis yang disenaraikan di bawah adalah disusun mengikut kekananan.

1. Darjah Dato' Bendahara Seri Jamalullail (DBSJ)

Sesuai dikurniakan kepada pemimpin tertinggi negara yang telah memberikan sumbang bakti dan perkhidmatan yang amat cemerlang. Anugerah ini membawa gelaran ***Dato' Bendahara Seri DiRaja***.

2. Darjah Seri Setia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (SSSJ)

Sesuai dikurniakan kepada kerabat diraja kanan atau pemimpin tertinggi negara yang telah memberikan sumbang bakti dan perkhidmatan yang amat cemerlang. Anugerah ini membawa gelaran ***Dato' Seri Diraja***.

3. Darjah Setia Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (SPSJ)

Sesuai dikurniakan kepada individu yang memberikan sumbang bakti dan berkhidmat dengan cemerlang kepada negara dan negeri Perlis semasa memegang jawatan yang sangat berpengaruh dan tanggungjawab yang tertinggi bagi satu tempoh yang panjang. Merupakan penghormatan luarbiasa terhadap pencapaian yang sangat tinggi. Anugerah ini membawa gelaran ***Dato' Seri Setia DiRaja***.

4. Darjah Seri Paduka Mahkota Perlis (SPMP)

Sesuai dikurniakan kepada individu yang memberikan sumbang bakti dan berkhidmat dengan cemerlang kepada negara dan negeri Perlis semasa memegang jawatan yang sangat berpengaruh dan tanggungjawab yang tertinggi bagi satu tempoh yang panjang. Merupakan penghormatan terhadap pencapaian yang sangat tinggi. Anugerah ini membawa gelaran ***Dato' Seri***.

5. Darjah Dato' Setia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (DSSJ)

Dikurniakan kepada mereka yang memberikan sumbang bakti atau berkhidmat cemerlang kepada negara dan negeri Perlis. Anugerah ini membawa gelaran ***Dato' Paduka***.

6. **Darjah Dato' Wira Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (DWSJ)**

Dikurniakan kepada mereka yang memberikan sumbang bakti atau berkhidmat cemerlang kepada negara dan negeri Perlis. Sesuai dikurniakan kepada Pegawai Kanan Polis, Tentera dan yang setaraf dengannya. Anugerah ini membawa gelaran ***Dato' Wira***.

7. **Darjah Dato' Paduka Mahkota Perlis (DPMP)**

Dikurniakan kepada mereka yang mempunyai rekod khidmat yang cemerlang kepada negara dan negeri Perlis. Mereka mempunyai pengaruh yang luas di dalam bidang masing-masing dan membawa kebaikan kepada negeri Perlis. Anugerah ini membawa gelaran ***Dato'***.

8. **Darjah Dato' Setia Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (DSPJ)**

Dikurniakan kepada mereka yang mempunyai rekod khidmat cemerlang kepada negeri Perlis. Anugerah ini membawa gelaran ***Dato'***.

9. **Darjah Dato' Panglima Sirajuddin Jamalullail (DPSJ)**

Dikurniakan kepada mereka yang mempunyai rekod khidmat cemerlang kepada negeri Perlis. Anugerah ini membawa gelaran ***Dato'***.

10. **Darjah Setia Mahkota Perlis (SMP)**

Dikurniakan kepada mereka yang mempunyai kedudukan yang tinggi yang berjasa kepada negeri Perlis. Mereka yang telah menjalankan tugas yang berat dan sukar dengan berjaya dan cemerlang selama satu tempoh masa yang panjang. Darjah ini sesuai dikurniakan kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau yang setaraf dengannya.

11. **Darjah Seri Sirajuddin Perlis (SSP)**

Dikurniakan kepada mereka yang berjasa dan berkhidmat dengan cemerlang untuk negeri Perlis. Darjah ini sesuai dikurniakan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Gred 13 dan ke atas atau yang setaraf dengannya.

12. **Darjah Ahli Mahkota Perlis (AMP)**

Dikurniakan kepada mereka yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada negeri Perlis. Darjah ini sesuai dikurniakan kepada Pegawai-pegawai Kerajaan Gred 12 dan ke atas atau yang setaraf dengannya.

13. Pingat Mahkota Perlis (PMP)

Boleh dikurniakan kepada sesiapa yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada negeri Perlis. Pingat ini sesuai dikurniakan kepada Pegawai-pegawai Kerajaan Gred 9 hingga 10, Pemimpin-pemimpin Masyarakat atau yang setaraf dengannya.

14. Pingat Keberanian Handal (PKH)

Boleh dikurniakan kepada anak negeri Perlis atau sesiapa di dalam negeri Perlis ini yang telah menunjukkan keberanian handal di dalam sesuatu kejadian yang sangat-sangat membahayakan dirinya. Sesuai dikurniakan kepada anggota Polis, Tentera, Bomba, Penjara, RELA atau yang setaraf dengannya.

15. Pingat Pekerti Terpilih (PPT)

Boleh dikurniakan kepada anak negeri Perlis atau sesiapa yang melakukan di dalam negeri Perlis ini suatu perbuatan atau beberapa perbuatan pekerti yang terpilih di dalam keadaan yang membahayakan dirinya. Sesuai dikurniakan kepada anggota Polis, Tentera, Bomba, Penjara, RELA atau yang setaraf dengannya.

16. Pingat Jasa Kebaktian (PJK)

Boleh dikurniakan kepada sesiapa yang telah melakukan jasa kebaktian kepada negeri Perlis iaitu selain daripada perbuatan keberanian yang handal dan perbuatan itu ialah jasa dan taat setia kepada jawatannya termasuklah bekerja lama dengan menunjukkan kelebihan dan tingkah laku yang boleh diteladani. Sesuai dikurniakan kepada Pegawai-pegawai Kerajaan Gred 4 - Gred 8 (Kumpulan Pelaksana), Pemimpin-pemimpin Masyarakat atau yang setaraf dengannya.

17. Pingat Jasa Baik (PJB)

Boleh dikurniakan kepada sesiapa yang telah berkhidmat dengan cemerlang dan taat kepada negeri selain daripada jasa kebaktian kepada negeri. Sesuai dikurniakan kepada Pegawai-pegawai Kerajaan Gred 4 - Gred 8 (Kumpulan Pelaksana), Pemimpin-pemimpin Masyarakat atau yang setaraf dengannya.

18. Pingat Perkhidmatan Lama (PPL)

Boleh dikurniakan kepada Pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat tidak kurang daripada 25 tahun dan mempunyai rekod yang cemerlang semasa berkhidmat dengan Kerajaan.

**JADUAL TARIKH-TARIKH PENTING BERKENAAN PROSES
PENCALONAN BAGI KURNIAAN DARJAH KEBESARAN DAN PINGAT
NEGERI PERLIS TAHUN 2025**

BULAN	TARIKH	HARI	CATATAN
November	20.11.2025	Khamis	Pembukaan sesi pencalonan secara dalam talian melalui system SISDAR (https://sisdar.perlis.gov.my)
Disember	31.12.2025	Rabu	Tarikh tutup sesi pencalonan secara dalam talian melalui system SISDAR (https://sisdar.perlis.gov.my)
Januari	12.01.2026	Isnin	Tarikh akhir penerimaan borang pencalonan di Pejabat Dewan Undangan Negeri Perlis <i>*Borang pencalonan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan dipertimbangkan untuk proses selanjutnya.</i>